

Laksana GST jika kehendak rakyat - PM

PUTRAJAYA 3 Okt. - Kerajaan akan mengkaji sama ada akan memperkenalkan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST) jika itu kehendak rakyat, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sistem cukai itu tidak sempat dimasukkan dalam

Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada 11 Oktober ini.

"Kalau itu kehendak rakyat, kita akan kaji sama ada (GST) lebih baik daripada SST (cukai jualan dan perkhidmatan).

"Sempat nak masuk dalam bajet, susah sikitlah maybe

later on (mungkin kemudian)," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) di Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan pelbagai pihak

supaya GST dilaksanakan semula.

Sebelum ini, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) menyarankan kerajaan memperkenalkan semula GST pada kadar yang lebih rendah iaitu tiga peratus dalam Belanjawan 2020.